

MINIT MESYUARAT BAGI PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK (OCC) BERSAMA BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) MENGENAI KEPERLUAN DAN CABARAN YANG DIHADAPI OLEH KANAK-KANAK AKIBAT WABAK COVID-19

NO.	ISU/CABARAN	CADANGAN
1.	<p>Talian Bantuan untuk Kanak-kanak</p> <p>a. Ia dimaklumkan bahawa jumlah panggilan yang diterima oleh NGO berkenaan keganasan rumah tanggaa dan penderaan kanak-kanak melalui <i>hotline</i> yang disediakan oleh mereka telah meningkat secara mendadak dalam tempoh 2 minggu pertama penguatkuasaan PKP.</p> <p>b. Talian Kasih 15999 dikatakan menerima pelbagai jenis panggilan bukan sahaja daripada kanak-kanak, tetapi juga tentang bantuan keperluan asas.</p> <p>c. Tidak ada kesedaran mengenai keperluan mewujudkan talian bantuan kanak-kanak; mereka merupakan antara golongan berisiko dalam krisis ini tetapi tiada talian bantuan khusus dan operator panggilan berpengalaman yang mesra kanak-kanak juga diperlukan.</p> <p>d. Talian bantuan tidak dianggap sebagai “<i>essential services</i>” – ada antara ahli NGO yang bekerja di pusat panggilan fizikal telah diarah untuk tidak beroperasi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • KPWKM digesa untuk mewujudkan talian bantuan khusus kepada kanak-kanak di seluruh negara secara percuma, berfungsi selama 24 jam dan pengendali talian berhemah yang mesra kanak-kanak. • Semua maklumat mengenai talian bantuan tersebut harus diwar-warkan dengan meluas melalui satu agensi seperti KPKK – dengan bantuan media dan media sosial. • Untuk mempromosikan talian bantuan secara mesra kanak-kanak dan memastikan semua kanak-kanak dapat memohon bantuan yang diperlukan (melalui poster/iklan). • Pejabat/pusat talian bantuan fizikal perlu diberikan kebenaran untuk beroperasi sepenuhnya ketika PKP. • Aktifkan atau wujudkan talian bantuan yang selari kewujudannya kepada mereka yang tidak fasih berbahasa Melayu (seperti pelarian dll) di mana beberapa NGO mempunyai kepakaran untuk menyediakan kaunselor yang terlatih.
2.	<p>Keganasan Rumah Tangga dan Penderaan Kanak-kanak</p> <p>a. Tempat perlindungan yang tidak mencukupi untuk mangsa keganasan.</p> <p>b. Ujian Covid-19 untuk mangsa kanak-kanak; hanya beberapa hospital swasta sahaja yang sanggup membuat pengecualian bayaran.</p> <p>c. Kebimbangan akan kegagalan sistem sedia ada untuk melindungi mangsa – pengendali talian terlalu sibuk,</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengeluarkan SOP yang jelas mengenai pengendalian kes penderaan semasa PKP kepada barisan hadapan. • Memastikan mangsa yang selamat dapat memohon Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) – hanya 10 yang dikeluarkan tahun lepas (2019) di seluruh negara. Perbincangan lanjut dengan JKMM untuk menentukan; bagaimana kanak-kanak dapat mengakses EPO dan bagaimana sebenarnya proses perlindungan dan keselamatan mereka perlu diadakan.

	<p>pegawai kebajikan tidak menjalankan siasatan dengan betul.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengumumkan sistem sokongan telah tersedia ada untuk orang dewasa dan kanak-kanak ketika PKP. Poster/pengumuman yang disasarkan kepada kanak-kanak perlulah dirancang dengan cara yang berpusatkan kepada kanak-kanak atau dari <i>POV</i> kanak-kanak. • Penambahbaikan askes untuk ke tempat perlindungan sementara dan menjadikannya sebagai salah satu "<i>essential services</i>." • Memastikan bantuan kewangan mencapai mangsa yang masih yang selamat. • Memastikan sumber adalah mencukupi (seperti kakitangan JKMM & kakitangan Talian Kasih) yang tersedia ada untuk memastikan tindak balas kecemasan secara efektif.
3.	<p>Memetakan Kanak-kanak yang Berisiko</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Kanak-kanak yang memerlukan rawatan perubatan di rumah (terutamanya untuk penyakit tertentu dan sakit kritikal). b. Kanak-kanak di kawasan pedalaman Borneo dan di luar bandar. c. Kanak-kanak pelarian, pendatang dan tidak berdokumen. d. Kanak-kanak bandar miskin - Program Perumahan Rakyat (PPR) e. Kanak-kanak orang asli/asal. f. Kanak-kanak di tahanan/penjara. g. Kanak-kanak berkeperluan khas. h. Kanak-kanak yang ditahan semasa PKP. i. Kanak-kanak yang terpisah dari keluarga/masalah hak penjagaan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Penyelarasan untuk menganalisis situasi kanak-kanak yang berisiko di antara agensi PBB, NGO, dan Kerajaan; di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

4.	<p>Bantuan Saluran Keperluan Asas</p> <p>a. Kemiskinan berlaku atas sebab tiada pekerjaan dan pendapatan bermaksud keluarga tersebut tidak dapat membeli makanan, keperluan asas dan ubat-ubatan.</p> <p>b. Peraturan yang tidak jelas tentang penglibatan NGO; tiada SOP/garis panduan yang jelas.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Arahan kepada NGO tidak jelas; NGO dapat memberi sokongan kepada kerajaan dengan membantu secara terus kepada mereka yang memerlukan semasa krisis ini. Walaubagaimanapun, sejak PKP, lain-lain arahan telah dikeluarkan dari pelbagai pihak KKM, JKMM dan MKN yang menyebabkan ketidakpastian dan ketakutan. - Komunikasi; NGO telah menerima banyak maklumat dari sosial media dan agensi kerajaan yang tertentu tetapi belum dirunding secara terus dari pihak Kementerian. <p>c. NGO tidak dapat menggunakan perkhidmatan penghantaran seperti yang dinasihatkan oleh JKMM - penambahan kos dan proses yang panjang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • JKMM dan KDN harus berunding dan berkoordinasi dengan NGO yang berkaitan dalam mewujudkan SOP yang lebih baik dan cepat bagi penghantaran keperluan asas. • Maklumat atau kriteria yang jelas dari segi mendapatkan kelulusan beroperasi (sama ada agensi: NADMA, MKN, polis, KKM, JKM). • Mengenalpasti dan memetakan NGO - Siapa yang melakukan Apa, Di mana, Bila dan Bagaimana di atas talian agar dapat memudahkan koordinasi di seluruh sektor. • Kenalpasti NGO tertentu untuk kumpulan atau bidang keperluan yang berbeza. • Rundingan dan maklum balas berkala dari NGO dan kemas kini dari KPWKMM/JKMM melalui <i>one-stop</i> portal dan perundingan rasmi.
5.	<p>Sistem Sokongan untuk Kesihatan Mental Kanak-kanak</p> <p>a. Antara kebimbangan kanak-kanak yang dikongsi dalam satu tinjauan dalam talian yang telah dilakukan (oleh FAME) mengenai kesihatan mental; kebimbangan tentang pekerjaan ibu bapa mereka, kerisauan terhadap masa depan dan pendidikan (peperiksaan/kelas), keperluan untuk satu bentuk sokongan dan kaunseling dari segi motivasi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Talian bantuan kanak-kanak dapat menangani masalah ini – dengan adanya pakar dan pengendali terlatih untuk mengendalikan panggilan dari kanak-kanak dan tindakan selanjutnya.

	<p>b. Tekanan menghadapi perubahan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran, dan perasaan 'terperangkap' di rumah.</p>	
6.	<p>Kanak-kanak yang Bercanggah dengan Undang-undang:</p> <p>a. Telah dinyatakan bahawa terdapat kanak-kanak (di bawah usia 18 tahun) yang ditahan kerana melanggar PKP, ditangkap dan didakwa oleh pihak berkuasa – tidak ada garis panduan yang jelas tentang cara-cara pengendalian kanak-kanak tersebut.</p> <p>b. Keadaan dalam tahanan – ketidakmampuan untuk mempraktikkan jarak sosial, kemudahan yang serba kekurangan untuk mengasingkan tahanan yang sakit, tahanan tinggal di blok yang sempit dan sesak.</p> <p>c. Populasi tahanan rentan yang terdedah dengan pelbagai risiko kesihatan, pemakanan yang tidak seimbang, akses terhad kemudahan kesihatan, penggunaan sabun dan kemudahan pembasmi kuman bagi anggota dan tahanan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa dinasihatkan untuk mengawasi kanak-kanak mereka agar mereka mematuhi PKP. Garis panduan dan SOP yang jelas harus disediakan untuk semua pegawai penguatkuasa, terutamanya mereka yang berurusan secara terus dengan kanak-kanak. • Kanak-kanak yang direman harus dibebaskan dengan jaminan kerana perceraian telah ditunda ketika PKP. • Menghentikan semua penangkapan dan penahanan kanak-kanak baru sama ada akibat melanggar kesalahan imigresen, dan/atau PKP. Semua pemindahan dari penjara dan tempat pemerdagangan manusia ke pusat tahanan imigresen perlulah diberhentikan. • Sementara menunggu pembebasan dari tempat tahanan, pastikan semua kebersihan, pemeriksaan dan pematuhan jarak sosial dipatuhi sebagaimana yang disarankan oleh KKM dan Garis Panduan ICRC.
7.	<p>Bantuan Bersalin kepada Ibu Tanpa Dokumen / Pelarian</p> <p>a. Wanita-wanita ini termasuk pekerja pelarian, tanpa kewarganegaraan, migran, pembantu rumah dan warganegara yang mengalami komplikasi semasa bersalin.</p> <p>b. Caj RM100 - RM300 yang dikenakan kepada seorang ibu warganegara Malaysia untuk bersalin, akan naik secara mendadak sehingga RM3k untuk seorang ibu pelarian/yang tidak berdokumen. Ia juga boleh</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Keperluan untuk mengenal pasti penyelesaian yang mampan dalam pemberian bantuan kewangan untuk ibu dan bayi. • KKM disyorkan untuk memberi kelonggaran kelewatan pembayaran atau mengetepikan caj tersebut bagi memastikan ibu-ibu ini melahirkan bayi mereka dengan selamat terlebih dahulu; ini dapat menjaga keselamatan dan kesihatan anak, mengelakkan percubaan penjualan atau pembuangan bayi. KPWKM digesa untuk bekerjasama dengan KKM dalam isu ini.

	meningkat sehingga RM5k hingga RM8k memerlukan pembedahan (<i>caesarean</i>).	
8.	<p>Keselamatan Internet bagi Kanak-kanak</p> <p>a. Risiko dan bahaya penggunaan internet; peningkatan aktiviti paedofilia dan kanak-kanak tidak sedar akan bahaya tersebut.</p> <p>b. Aplikasi media sosial yang digunakan oleh kanak-kanak kini adalah terlalu berbeza daripada aplikasi yang digunakan oleh orang dewasa; oleh itu, orang dewasa tidak dapat mengawal penggunaan tersebut sepenuhnya.</p> <p>c. Pakaian dan tarian yang tidak sesuai di media sosial akibat ibu bapa tidak tahu bagaimana untuk berhadapan dengan <i>trend</i> yang berlaku.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti kesedaran mengenai risiko penggunaan internet perlu diadakan terutamanya kepada kanak-kanak yang lebih muda; iklan atau poster yang mesra kanak-kanak. • Kanak-kanak harus didorong untuk berkongsi aktiviti yang dilakukan di internet dengan ibu bapa – namun, apabila kanak-kanak didapati bersalah, ibu bapa tidak seharusnya menghukum mereka tetapi mengajar dan membimbing anak-anak mereka. • Orang dewasa di rumah atau ibu bapa harus lebih peka dengan penggunaan internet di rumah.
9.	<p>Hak untuk Pendidikan</p> <p>a. Tidak semua kanak-kanak dapat mengakses pembelajaran dalam talian terutamanya mereka yang tinggal di luar bandar atau kawasan yang tidak mempunyai talian internet.</p> <p>b. Sebilangan guru tidak mengajar; mereka tidak biasa menggunakan bahan dalam talian dan menyebabkan pelajar di rumah tidak mendapat pendidikan/ketinggalan dalam pelajaran ketika PKP.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Keperluan sistem untuk memastikan bahawa semua kanak-kanak di seluruh Malaysia dapat mengakses pendidikan melalui internet agar tidak ada kanak-kanak yang ketinggalan dalam pelajaran. • Advokasi melalui sokongan atau sistem sokongan hendaklah merangkumi penggunaan bahasa dan pendekatan yang difahami oleh masyarakat peribumi di Sabah dan Sarawak.

<p>10.</p>	<p>Bantuan Prihatin Nasional (BPN) untuk Ibu Bapa Tunggal / Individu dengan Tanggungan</p> <p>a. Dikatakan bahawa ibu bapa tunggal yang tidak mempunyai sijil perkahwinan atau individu yang mempunyai tanggungan, tidak layak untuk memohon BPN sebagai Ketua Keluarga walaupun mereka memerlukan bantuan kewangan untuk memberi makan, menampung kanak-kanak dan ahli keluarga mereka.</p> <p>b. Ada juga contoh mangsa keganasan rumah tangga yang tidak dapat menuntut BPN kerana tanggungan didaftarkan atas nama suami.</p> <p>c. Ramai keluarga B40 tidak membayar cukai pendapatan kerana mempunyai gaji harian dan perlu mendaftar terlebih dahulu sebelum mendapat BPN di mana proses tersebut boleh memudaratkan mereka.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan harus mengkaji semula hak kelayakan untuk mendapat BPN supaya mencakupi semua kategori individu-individu yang dinyatakan.
<p>11.</p>	<p>Kelonggaran/Kebenaran oleh Pihak Berkuasa untuk Ibu Bapa bagi Keadaan Tertentu</p> <p>a. Kebimbangan timbul mengenai pengutkuasaan 1 orang setiap kereta, yang tidak praktikal bagi sebilangan ibu bapa yang tidak dapat meninggalkan anak-anak mereka.</p> <p>b. Ibu bapa dengan perintah hak penjagaan bersama (dari Mahkamah Syariah dan Sivil) memerlukan surat kebenaran dari Mahkamah untuk melakukan perjalanan dengan anak-anak samada ke/dari tempat tinggalnya dari/ke kediaman bekas suaminya sesuai dengan perintah mahkamah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kelonggaran oleh pihak berkuasa untuk ibu bapa tunggal yang tidak dapat membiarkan anak-anak mereka tanpa pengawasan ketika mereka keluar membeli makanan atau menjalankan rutin harian lain. • Ibu bapa yang telah bercerai perceraian dan hak penjagaan masih belum selesai atau yang mempunyai persetujuan tidak rasmi untuk hak penjagaan dan pemeliharaan, juga harus diberi kebenaran untuk membolehkan mereka melakukan perjalanan dengan anak-anak mereka. PKP tidak boleh digunakan sebagai sebab untuk melanggar perintah hak penjagaan

12.	<p>Isu Pengasuhan ketika PKP</p> <p>a. Apabila PKP dilaksanakan, TASKA ditutup dan ibu bapa yang bekerja sebagai barisan hadapan tidak mempunyai pilihan untuk menghantar anak-anak mereka - mengakibatkan pengasuh tidak berdaftar dan tidak berkelayakan beroperasi secara besar-besaran.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk JKMM memantau masalah ini dan langkah-langkah perlu diambil bagi memastikan bahawa pengasuh adalah berkelayakan, demi keselamatan kanak-kanak • Perkhidmatan sukarela oleh TASKA atau pengasuh yang berdaftar.
13.	<p>Kanak-kanak Berkeperluan Khas</p> <p>a. Sebilangan kanak-kanak dan orang dewasa yang kurang upaya mendapati ianya sukar untuk tinggal di rumah 24/7, walaupun mereka memahami risiko berada di luar.</p> <p>b. Stress yang dialami ibu bapa/penjaga telah meningkat dengan ketara (melalui tinjauan FAME), dan kesejahteraan psikososial mereka terganggu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan yang selamat perlu disediakan bagi kanak-kanak, termasuk kanak-kanak berkeperluan khas, untuk bermain dan menjalankan aktiviti mereka ketika PKP terutamanya di kawasan tempat tinggal PPRT dan B40. Tempat tersebut harus diawasi, mematuhi penjarakkan sosial dan dalam kawasan tertentu.
14.	<p>Kanak-kanak yang Terpisah dengan Keluarga</p> <p>a. Ibu berwarganegara Malaysia yang mempunyai hak penjagaan yang sama terhadap kanak-kanak mereka telah diminta oleh pihak imigresen untuk bapa yang berwarganegara asing untuk hadir ketika proses memperbaharui VISA anak-anak.</p> <p>b. Wanita warganegara Malaysia yang hamil tidak dapat pulang ke Malaysia kerana PKP; bayi terpaksa dilahirkan di luar negara.</p> <p>c. Pemisahan keluarga; suami berwarganegara asing tanpa <i>spouse</i> VISA tidak dapat masuk ke negara ketika PKP.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Langkah-langkah pertimbangan khas untuk ahli keluarga yang terpisah ini harus dilaksanakan dan tidak ada antara kanak-kanak tersebut yang boleh dipisahkan dari keluarga mereka.